

## **Dasar Pembangunan Negara Malaysia Secara Ekuitabel ke Arah Negara Maju Melalui Wahana Bahasa Kebangsaan**

Hashim bin Musa  
Jabatan Bahasa Melayu  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
E-mail: [hasyim@fbmk.upm.edu.my](mailto:hasyim@fbmk.upm.edu.my)

Rozita binti Che Rodi  
Jabatan Bahasa Melayu  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
E-mail: [ita\\_cherodi@putra.upm.edu.my](mailto:ita_cherodi@putra.upm.edu.my)

### **ABSTRAK**

Wawasan 2020 menasarkankan pembangunan Malaysia mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Pentakrifan negara maju oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) ialah keadaan apabila majoriti penduduknya menikmati taraf hidup yang tinggi, iaitu dengan HDI (*Human Development Index*) kadar 0.800 ke atas yang diukur berdasarkan indeks kesihatan (berdasarkan jangka hayat), indeks pendidikan (berdasarkan jumlah tahun persekolahan) dan indeks pendapatan (berdasarkan GNI per kapita). Dalam kertas ini akan dibincangkan konsep dan tahap pembangunan dan kemajuan negara, konsep pembangunan negara secara ekuitabel, perancangan bahasa demi pembangunan negara, dasar bahasa di Malaysia dan isu perpaduan dan pembangunan negara secara ekuitabel, akibat daripada penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar pendidikan, sains dan teknologi di negara membangun, politik dan propaganda keunggulan bahasa Inggeris dan tamadun barat ke atas dunia global, dan penyampaian dan pembudayaan ilmu dan teknologi dalam bahasa kebangsaan demi pembangunan negara dan sumber daya tenaga manusia yang ekuitabel dan menyeluruh.

Kata kunci: pembangunan ekuitabel, wahana, keterampilan, solidariti, patriotisme, modal insan.

### **ABSTRACT**

*The main objective of the Vision 2020 is to transform Malaysia into a developed country by the year 2020. The United Nation's definition of a developed country is a condition where the citizens enjoy a high level of living standard with Human Development Index (HDI) of 0.800 and above, culculated on the basis of the index of health (based on the life expectancy), index of education (based on the length of schooling years) and the index of income (based on the GNI per capita). In this paper discussions are focused on the concept and phases of development, the concept of an equitable development, language planning for national development, language policy in Malaysia and the issue of national integration and equitable development, the effect of using English as the medium of education, science and technology in developing countries, the politics and propaganda of the superiority English and western civilization globally, and the enculturation of knowledge and technology in the national language for an equitable development of the country and the human capital.*

*Keywords: equitable development, vehicle (of expression), competency, solidarity, patriotism, human capital.*

### **PENGENALAN**

Wawasan 2020 menasarkankan pembangunan Malaysia akan mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Sebuah negara dianggap maju, menurut definisi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) apabila majoriti penduduknya menikmati taraf hidup yang tinggi, iaitu dengan kadar HDI (*Human Development Index*) 0.800 ke atas yang diukur berdasarkan indeks kesihatan (berdasarkan jangka Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII) "Dasar Awam Dalam Era Transformasi Ekonomi: Cabaran dan Halatuju" Johor Bahru, 7 – 9 Jun 2013

hayat), indeks pendidikan (berdasarkan jumlah tahun persekolahan) dan indeks pendapatan (berdasarkan GNI per kapita).<sup>1</sup> Namun satu faktor lagi yang harus diambil kira ialah apa yang diistilahkan oleh Paul Kennedy (1994: 334-335) sebagai solidariti budaya negara bangsa, kerana tanpa solidariti tidak akan ada perpaduan dan kestabilan yang menjadi syarat kepada pembangunan negara. Solidariti budaya sesebuah negara dibentuk berdasarkan beberapa elemen, yang utama ialah bahasa kebangsaan/bahasa rasmi negara sebagai unsur penyatuan dan perpaduan nasional. Secara lumrah alam negara-negara maju di dunia menjadikan bahasa kebangsaan mereka sebagai tenaga penggerak pembangunan yang ekuitabel, iaitu pencapaian kemajuan dan peningkatan kualiti hidup bagi setiap lapisan masyarakat, wilayah dan kawasan secara merata dan menyeluruh. Bahasa, sesungguhnya, ialah wahana dan tenaga penggerak terpenting dalam upaya pencatatan, penyampaian, pemahaman dan penguasaan segala prinsip, polisi, amalan dan strategi pembangunan bagi setiap lapisan masyarakat dari setiap wilayah dan kawasan. Inilah peranan yang dimainkan oleh satu bahasa kebangsaan negara yang menyebar ke segenap lapisan masyarakat dan wilayah, dan yang juga berfungsi sebagai bahasa rasmi, bahasa ilmu dan bahasa pengantar pendidikan di negara-negara maju di seluruh dunia tanpa kekecualian seperti yang berlaku di negara Barat Benua Eropah, Amerika dan Australasia. Negara-negara maju di Timur juga menggunakan bahasa kebangsaan mereka sebagai bahasa pengantar pendidikan, bahasa rasmi dan bahasa sains dan teknologi seperti Jepun, Korea dan Taiwan. Namun di dunia barat kebanyakan anggota masyarakatnya bersifat bilingual atau multilingual disebabkan faktor mobiliti yang meluas. Di Malaysia kini dalam langkah ke arah mencapai status negara maju, strategi MBMMBI 2011 (Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuh Bahasa Inggeris) telah diperkenalkan untuk meningkatkan pencapaian rakyat Malaysia sebagai modal insan yang berketerampilan sambil mengukuhkan solidariti, integrasi dan patriotisme dalam acuan Malaysia. Namun terdapat beberapa kekangan dan halangan yang boleh membantut tindakan ini, yang akan dibincangkan dalam kertas kerja ini.

## KONSEP PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN NEGARA

Pada umumnya ada empat tahap proses pembangunan sesebuah negara menuju ke arah negara maju di dunia, iaitu: (lihat Abdullah Hassan, 2007: 851):

- 1) **Tahap pertama peminjaman ilmu:** ilmu pengetahuan dan teknologi negara maju yang lain dipelajari dan diambil oleh negara yang sedang membangun melalui bahasa negara maju itu. Ini memerlukan pembelajaran dan penguasaan bahasa negara maju oleh para ilmuwan negara membangun itu, seperti yang berlaku pada zaman kegemilangan Islam di mana bahasa Arab dipelajari oleh orang-orang Eropah yang datang ke Andalusia untuk mempelajari ilmu sains dan teknologi Islam dalam pelbagai bidang kesemuanya dalam bahasa Arab.<sup>2</sup> Ini juga yang telah berlaku kepada negara Jepun sebelum mereka mencapai kemajuan, iaitu berumula pada abad ke-17 sehingga Restorasi Meiji (1868-1912) apabila para ilmuwan mereka telah meminjam daripada barat dan juga ilmuwan barat di bawa ke Jepun demi menimba ilmu pengetahuan dan teknologi dalam bahasa-bahasa negara barat itu dan membawa atau menterjemahkannya ke bahasa Jepun.<sup>3</sup>

1 ([http://www.nationsonline.org/oneworld/human\\_development.htm](http://www.nationsonline.org/oneworld/human_development.htm), diakses pada 20.5.2013).

2 *Islamic Spain and Sicily were particularly productive areas of transfer of Muslim knowledge to Europe because of the proximity of multi-lingual scholars. European scholars translated many scientific and philosophical texts from Arabic into Latin. Gerard of Cremona, among others, translated 87 books from Arabic into Latin, including the Almagest, and also Muhammad ibn Mūsā al-Khwārizmī's On Algebra and Almucabala, Jabir ibn Aflah's Elementa astronomica, al-Kindī's On Optics, Ahmad ibn Muhammad ibn Kathīr al-Farghānī's On Elements of Astronomy on the Celestial Motions, al-Farabi's On the Classification of the Sciences, the chemical and medical works of Rhazes, the works of Thabit ibn Qurra and Hunayn ibn Ishaq, and the works of Arzachel, Jabir ibn Aflah, the Banū Mūsā, Abū Kāmil Shujā ibn Aslam, Abu al-Qasim al-Zahrawi (Abulcasis), and Ibn al-Haytham (including the Book of Optics)* ([http://en.wikipedia.org/wiki/Islamic\\_contributions\\_to\\_Medieval\\_Europe](http://en.wikipedia.org/wiki/Islamic_contributions_to_Medieval_Europe)). Diakses pada 22.5.13.

3 Pemindahan ilmu Eropah ke Jepun bermula dengan kemasukan ilmu pengetahuan Belanda pada abad ke-17 melalui beberapa terjemahan misalnya oleh Aochi Renaso (1784-1833) tentang ilmu fizik dan Hirose Ginkyo (1821-1870) yang menterjemahkan ilmu perubatan karya Isforading. Namun kepesatan perpindahan ilmu Eropah/Barat ke Jepun berlaku pada pertengahan abad ke-19 apabila karya berbahasa Inggeris menjadi lebih penting. Ilmuwan Jepun yang mempelopori penulisan ilmu sains dan mencetuskan penulisan buku sains di Jepun ialah Fukuzawa yang menulis buku Kummo Kyuri Zukai (*Illustration of natural science*) pada tahun 1872 hasil terjemahan daripada *Chambers Introduction to Science*. Selepas Restorasi Meiji pada 1868, Universiti Tokyo telah didirikan dan ilmuwan daripada Britain dan Amerika Syarikat telah dibawa untuk menjadi pensyarah antaranya

- 2) **Tahap kedua penterjemahan ilmu:** ilmu pengetahuan dan teknologi negara maju itu dibawa atau diterjemahkan ke dalam bahasa negara membangun itu, misalnya di Eropah mula-mula diterjemahkan ke dalam bahasa Latin sebagai bahasa ilmu di seluruh Eropah pada masa itu, kemudian ke bahasa-bahasa negara Eropah yang lain, seperti ke bahasa Inggeris, Perancis, Jerman, Itali, Sepanyol, Portugis, Belanda, dan lain-lain. Pada tahap ini juga perpustakaan-perpustakaan telah dibina terutama sekali di bandar-bandar utama di seluruh Eropah untuk dijadikan pusat sumber dan rujukan segala bidang ilmu. Begitu juga di Jepun di mana ilmuwan Jepun menterjemahkan ilmu sains barat ke bahasa Jepun.
- 3) **Tahap ketiga pembudayaan ilmu:** penyampaian, pengajaran dan pembudayaan ilmu dan teknologi itu kepada warga negara dalam bahasa tempatan negara membangun itu sendiri demi pembangunan secara ekuitabel dan merata ke atas rakyat jelatanya yang merupakan sumber daya tenaga negara untuk memajukan seluruh negara bangsanya. Ini berlaku di semua negara maju, kecuali Singapura yang menggunakan bahasa Inggeris.
- 4) **Tahap keempat penjanaan ilmu:** ilmu pengetahuan dan teknologi dicerna dan dijana oleh negara membangun itu dalam bahasanya sendiri sebagai kreativiti dan kebijaksanaan ilmu watannya (*native knowledge and creativity*). Pada tahap ini negara membangun itu sedang mengorak langkah ke arah negara maju, seperti yang berlaku kepada negara-negara Jepun, Korea dan Taiwan di dunia Timur sejak pertengahan kedua Abad ke-20 sehingga kini.

(Sila rujuk Rajah 1 dalam Lampiran yang menggambarkan secara grafik empat tahap ini)

Konsep pembangunan pula mempunyai pelbagai definisi. Namun pembangunan secara umum dan komprehensif yang boleh mencakupi sebarang masyarakat telah didefinisikan seperti berikut:

“Pembangunan boleh didefinisikan secara luas yang boleh diterapkan ke atas semua masyarakat dalam sebarang zaman sejarah, sebagai pergerakan ke arah yang lebih tinggi yang dicirikan oleh pertambahan dalam kegunaan bahan tenaga, kecekapan, kualiti, produktiviti, kekompleksian, kefahaman, kekreatifan, kepakaran, kebahagiaan dan pencapaian” (Jacobs, Garry & Asokan N., 1999: 152)<sup>4</sup>

Pembangunan melibatkan proses perubahan sosial, bukan hanya mencakupi polisi dan program yang dilaksanakan untuk sesuatu matlamat dalam satu jangka masa tertentu, misalnya rancangan pembangunan lima tahun atau sepuluh tahun (*five year or ten year development plan*), tetapi merangkumi juga kemampuan masyarakat untuk mengerakkan tenaga manusia dan segala sumber produktiviti yang ada demi menangani sebarang cabaran dan juga peluang yang ditempuhi individu dan masyarakat dalam kehidupan mereka sepanjang masa. Kuncinya ialah konsep pembangunan yang berterusan, merentasi masa bahkan sepanjang masa.

Pembangunan peradaban manusia dalam lingkaran sejarahnya telah melalui tahap-tahap yang jelas iaitu daripada tahap perburuan secara nomadik kepada penempatan secara agrarian, seterusnya kepada proses-proses perbandaran, pengkomersialan dan perindustrian. Kini zaman pascaperindustriaan yang oleh Peter Drucker (1994) dinamakan juga sebagai masyarakat pascakapitalis atau masyarakat ilmu. Jika pada tahap pembangunan perindustrian tiga asas faktor pengeluaran ialah modal, tenaga buruh dan tanah, kini pada tahap pembangunan pascaperindustrian ilmu ialah faktor pengeluaran yang utama.

*“The basic economic resources - the means of production - will no longer be capital, labour and land; it is and will be knowledge.”* (Peter Drucker, 1994: 8)

Dalam sejarah manusia medium yang paling cekap dan berkesan bagi mencatat ilmu pengetahuan ialah bahasa, iaitu wahana utama yang mendukung, merakam, mengkomunikasi, menyebarkan dan mewariskan ilmu pengetahuan dari generasi ke satu generasi. Oleh yang demikian jelaslah bahawa bahasa memainkan peranan utama dalam mengungkapkan polisi, strategi, pelan dan

---

Thomas C. Mendenhall (1855-1935), James A. Ewing (1855-1935), Cargill Knot (1856-1922) dalam ilmu fizik, dan Edward Divers (1832-1912) dalam ilmu kimia yang telah mempelopori pengajian ilmu kimia bukan organik di Jepun. Lihat <http://www.jstor.org/stable/2383176?seq=12>. Diakses pada 22.5.13.

<sup>4</sup> *Development can be broadly defined in a manner applicable to all societies at all historical periods as an upward ascending movement featuring greater levels of energy, efficiency, quality, productivity, complexity, comprehension, creativity, mastery, enjoyment and accomplishment* (Jacobs, Garry and Asokan N., "Towards a Comprehensive Theory of Social Development". In: *Human Choice, World Academy of Art & Science, USA, 1999, p. 152*)

langkah serta teori, konsep dan juga amalan praktikal bagi segala proses pembangunan. Oleh yang demikian apa jenis bahasa yang digunakan untuk menjadi wahana proses pembangunan itu akan menentukan corak, warna, acuan dan arah pembangunan itu sendiri iaitu sama ada membawa solidariti, kemajuan, patriotisme dan kewibawaan, ataupun sebaliknya kelemahan, chauvinisme, partisanisme, perpecahan, kedurjanaan dan kehancuran, seperti yang akan dibincangkan nanti.

## KONSEP PEMBANGUNAN NEGARA SECARA EKUITABEL

Satu pandangan umum tentang pembangunan ekuitabel bagi sesebuah masyarakat ialah:

“Pembangunan ekuitabel dicapai melalui polisi dan amalan yang membolehkan penduduk yang rendah pendapatan dan rendah kekayaan mengambil bahagian dan memanfaatkan pembangunan ekonomi pada peringkat tempatan dan wilayah.”<sup>5</sup>

Konsep yang lebih komprehensif bagi pembangunan negara bangsa secara ekuitabel dan menyeluruh ialah pencapaian kemajuan dan peningkatan kualiti hidup dalam aspek fizikal, sosial, mental, psikologikal dan emosional bagi setiap lapisan masyarakat, wilayah dan kawasan secara merata dan menyeluruh. Perancangan pembangunan yang ekuitabel dan menyeluruh merangkumi prinsip, polisi, amalan dan strategi yang menyasarkan kesaksamaan dan keadilan dalam penyediaan peluang, prasarana dan kemudahan demi pencapaian pembangunan dan peningkatan kualiti hidup dalam aspek fizikal, sosial, mental, psikologikal dan emosional bagi setiap lapisan masyarakat, setiap wilayah dan kawasan secara meluas dan menyeluruh. Demi mengungkap dan mengkomunikasikan segala polisi, strategi, pelan dan langkah serta teori, konsep dan juga amalan praktikal bagi segala proses pembangunan, tentu sekali bahasa memainkan peranan yang utama. Apa jenis bahasa yang digunakan untuk menjadi wahana pengungkapan dan komunikasi segala polisi, strategi dan amalan pembangunan itu akan menentukan corak, warna, acuan dan arah pembangunan itu sendiri iaitu sama ada membawa solidariti, patriotisme dan kemajuan yang merata, ataupun sebaliknya kelemahan, chauvinisme, partisanisme, perpecahan, kedurjanaan dan kehancuran. Dalam sejarah manusia, seperti yang disebutkan di atas, medium yang paling cekap dan berkesan bagi mencatat ilmu pengetahuan ialah bahasa kebangsaan tempatan sendiri, iaitu wahana utama yang mendukung, merakam, mengkomunikasi, menyebarkan dan mewariskan ilmu pengetahuan dari generasi ke satu generasi.

Inilah yang telah dimainkan oleh bahasa Jepun untuk membangunkan setiap lapisan masyarakat Jepun secara ekuitabel, merata dan menyeluruh bermula dari penghujung abad ke-19 apabila bahasa Jepun distandardisasi dan dipermudahkan demi membangunkan pendidikan rakyat jelatanya secara umum dan juga penyediaan solidariti buat membentuk satu negara bangsa yang berintegrasi (Tessa Carroll, 2007: 44). Inilah juga yang telah dimainkan oleh bahasa Korea untuk memajukan negara Korea dan bahasa Mandarin untuk negara Republik Rakyat China dan Taiwan yang hanya mengambil masa dalam beberapa dekad kebelakangan ini untuk menuju ke arah negara maju.

Sepertilah juga pada zaman revolusi perindustrian di barat, bahasa-bahasa tempatan bagi negara bangsa masing-masing telah menjadi wahana pencatat, pengungkap, penyebar dan pewacana segala polisi, strategi, pelan dan langkah serta teori, konsep dan juga amalan praktikal bagi segala proses pembangunan negara bangsa masing-masing. Proses ini berlaku bagi setiap negara bangsa maju di dunia tanpa pengecualian. Namun seperti yang dinyatakan di atas di negara-negara barat terutama sekali di Eropah, akibat mobiliti demografi dalam bentuk perdagangan, pendidikan, penyelidikan, diplomasi dan kolaborasi, sukan, pelancongan dan rekreasi telah menjadikan mereka bersifat amat bilingual dan multilingual, yang meningkatkan daya saing dan daya juang mereka dalam arena antarabangsa. Satu hakikat yang tidak dapat dinafikan ialah kedudukan bahasa Inggeris sebagai bahasa dunia dan bahasa komunikasi luas antarabangsa yang paling penting di pentas global sejak pertengahan abad ke-20 dan kemungkinan berterusan sehingga ke pertengahan abad ke-21 (David Crystal: 2003: 28).

Pada penghujung abad ke-20 sehingga kini Jepun merupakan sebuah kuasa ekonomi utama dunia dan telah membuat beberapa tindakan untuk menyebarkan pengaruh dan fungsinya di persada antarabangsa, iaitu melalui strategi yang istilahkan mereka sebagai *kokusaika*, *furusato* dan regionalisme iaitu polisi mengantarabangsakan pengajaran bahasa Jepun di seluruh dunia terutama sekali di rantau Asia, seperti yang dinyatakan oleh Tessa Carrol (2007: 45):

<sup>5</sup> “Equitable development is achieved through policies and practices that enable low-income and low-wealth residents (citizens) to participate and benefit from local and regional economic development” Mayors Innovation Project, Madison, WI, August 1, 2008: page 3.

*“At the end of the 20<sup>th</sup> Century, it (Japan) is seeking to adopt to a new role (as the major economic power) in the world, and improving communication skills both within and outside its boundaries, is seen as playing an important part in this quest.”*

Negara Singapura yang maju dengan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi dan pengantar pendidikan dan ilmu tinggi merupakan suatu kekecualian, kerana Singapura ialah sebuah negara bandar raya kosmopolitan yang kecil dengan 100% penduduk bandar (tanpa penduduk desa), berstatus entreport dengan bilangan ekspatriat yang tinggi dan sistem pendidikan yang relatif sama rata, membolehkan rakyatnya menguasai bahasa Inggeris dan ilmu pengetahuan secara merata dan standard. Oleh itu mereka dapat mencapai kemajuan yang ekuitabel bagi seluruh rakyatnya.

## PERANCANGAN BAHASA DEMI PEMBANGUNAN NEGARA

Satu pendapat yang sangat penting tentang perancangan bahasa telah dikemukakan oleh Paul L. Garvin (1974: 69-78) hampir empat dekad yang lalu, iaitu pada tahun 1974. Beliau menyatakan bahawa perancangan bahasa sesebuah negara seharusnya mempunyai beberapa ciri yang bertujuan memenuhi dua fungsi yang utama, iaitu fungsi simbolik (*symbolic function*) dan fungsi partisipatori (*participatory function*).

Fungsi simbolik yang mencakupi fungsi-fungsi penyatu, pemisah dan prestij. Untuk ini, dasar bahasa dilaksanakan demi menyatukan warga negara yang pluralistik dari segi dialek, bahasa ibunda, keturunan, budaya dan wilayah, dan memisahkannya daripada bahasa yang lain, iaitu memberikan identiti/acuan tersendiri, dan juga memberikan prestij dan maruah kepada warganegaranya, tetapi dengan syarat bahasa kebangsaan yang dikuatkuasakan itu tumbuh dan berkembang secara natural dan dipilih secara hati-hati oleh kuasa perancangannya. Kalau tidak, pemilihan satu variasi bahasa sebagai bahasa kebangsaan dan menolak serta menurunkan martabat bahasa yang lain akan menimbulkan rasa kecurigaan, kebencian dan penolakan masyarakat bahasa yang berkenaan.

Fungsi kedua dasar bahasa yang diistilahkan oleh Garvin (1974:76) sebagai *“participatory function”*, ialah penguasaan satu bahasa yang membolehkan warga negaranya berpartisipasi dalam perkembangan budaya dan peradaban dunia antarabangsa. Dalam perkembangan sains dan teknologi secara global, fungsi partisipatori inilah yang amat penting kerana ini akan membolehkan warga negaranya mengikuti dan menguasai perkembangan terkini dalam bidang sains dan teknologi global demi membangunkan negaranya. Untuk meningkatkan kemampuan fungsi partisipatori ini, dasar bahasa negara harus memberi ruang kepada warga negaranya atau para pakarnya untuk menguasai satu bahasa dunia yang secara meluas mendukung perkembangan sains dan teknologi dari segi persediaan prasarana (buku teks, rujukan, pusat pengajian, dan lain-lain), kepakaran dan sebagainya.

Dengan menggunakan pendapat Garvin itu seorang pengkaji Scott Paauw (2009: 2-16) telah menjalankan satu kajian perbandingan tentang pelaksanaan dasar bahasa di negara Indonesia, Malaysia dan Filipina, yang menunjukkan dapatan yang sangat menarik dan perlu diberi perhatian yang serius oleh para perancang bahasa.

Di Indonesia, Paauw (2009: 11) mendapati bahawa fungsi penyatuan mengatasi segala fungsi yang lain dalam usaha mereka memupuk satu identiti kebudayaan Indonesia, yang menyebabkan pengabaian fungsi partisipatori. Fungsi penyatuan telah berjaya dilaksanakan secara umumnya yang membolehkan Indonesia menyatukan sebuah negara yang ramai penduduk yang bersifat majmuk kepada satu citra atau identiti yang kukuh melalui satu bahasa perantara, iaitu bahasa Melayu/Indonesia dalam batasan sempadannya. Namun akibat buruk daripada ketiadaan satu bahasa yang berfungsi partisipatori jelas ternampak pada tahap pengajian tingginya dan juga boleh dikesan dalam kekurangan partisipasi Indonesia dalam perkembangan politik dan ekonomi komuniti antarabangsa, yang mungkin menjadi kendala kepada perkembangan ekonomi yang pesat di Indonesia.

Di Malaysia, mengikut Paauw (2009: 11) terdapat konflik antara fungsi penyatuan dan fungsi partisipatori. Faktor sosial, iaitu antara lain pemilihan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa pengantar pendidikan dan bahasa rasmi dan menolak serta merendahkan martabat bahasa Cina dan Tamil telah menimbulkan rasa kecurigaan, kebencian dan penolakan komuniti yang berkenaan, menyebabkan terbantutnya pelaksanaan sepenuhnya fungsi penyatuan bahasa Melayu bagi seluruh warga negaranya. Faktor ini juga telah menyebabkan penggunaan bahasa Inggeris masih berterusan sebagai bahasa partisipatori antarabangsa yang dengan itu berkonflik dengan status bahasa Melayu sebagai bahasa pendidikan dan ilmu tinggi. Di Filipina juga situasi yang sama berlaku, iaitu bahasa Tagalog yang dijadikan bahasa kebangsaan dan bahasa penyatuan telah mendapat tentangan daripada

penutur bahasa tempatan yang lain, misalnya Cebuano and Hiligaynon, yang dengan itu membantut fungsi penyatuan bahasa Tagalog bagi seluruh warganegara Filipina.

Pendapat yang dikemukakan Paauw (2009: 11) berkaitan dengan fungsi bahasa bagi ketiga-tiga buah negara itu dapat diringkaskan seperti berikut:

	<b>Indonesia</b>	<b>Malaysia</b>	<b>Filipina</b>
Fungsi penyatu	ada (B.Indonesia)	tiada	tiada
Fungsi pemisah	ada (B.Indonesia)	tiada	tiada
Fungsi prestij	ada (B.Indonesia)	ada (B.Inggeris)	ada (B.Inggeris)
Fungsi partisipitori	tiada	ada (B.Inggeris)	ada (B.Inggeris)

Manakala pernyataan di bawah pula menggambarkan jenis bahasa yang digunakan dalam pelbagai domain bagi ketiga-tiga buah negara itu (Paauw, 2009: 12).

	<b>Indonesia</b>	<b>Malaysia</b>	<b>Filipina</b>
Bahasa perantara	B.Indonesia	B. Melayu, Inggeris	Tagalog, Inggeris
Bahasa pemerintah/rasmi	B.Indonesia	B. Melayu, Inggeris	Tagalog, Inggeris
Bahasa pendidikan	B.Indonesia	B. Melayu, Inggeris	Tagalog, Inggeris
Bahasa media massa	B.Indonesia	B. Melayu, Inggeris B. Cina	Tagalog, Inggeris

Daripada dua paparan itu, Paauw menyimpulkan bahawa Indonesia pada umumnya telah berjaya menyatukan rakyatnya yang berpelbagai bahasa, dialek dan wilayah yang luas dalam satu identiti bangsa yang jelas dan menjadikan bahasa Indonesia bahasa yang berprestij dalam negaranya (bahasa rasmi, bahasa pendidikan), namun tanpa satu bahasa yang berfungsi partisipitori, Indonesia agak ketinggalan dalam perkembangan ekonomi dan sosial di pentas dunia global.

Di Malaysia dan Filipina, situasi penggunaan bahasa menimbulkan konflik dalam fungsi penyatuan dan fungsi partisipitori. Bahasa Melayu dan bahasa Tagalog walaupun telah dijadikan bahasa kebangsaan bagi negara masing-masing, namun kecurigaan dan penolakan komuniti penutur bahasa yang lain menyebabkan terbantutnya fungsi penyatuan dan fungsi prestij. Oleh itu, bahasa Inggeris masih terus digunakan dalam kesemua domain komunikasi termasuk dalam kerajaan, pendidikan dan media massa. Dengan demikian pembentukan satu citra atau identiti negara bangsa Malaysia dan Filipina tidak dapat dibina berdasarkan bahasa kebangsaan masing-masing.

Berdasarkan huraian dan perbincangan di atas, Paauw menyimpulkan bahawa Malaysia, Filipina dan Indonesia menghadapi masalah dalam pelaksanaan dasar bahasa masing-masing, iaitu:

- 1) Malaysia dan Filipina menghadapi masalah pembinaan sebuah negara bangsa yang bersatu padu dan bercitra sendiri, disebabkan kegagalan fungsi bahasa kebangsaan menjadi unsur penyatu, perantara dan pembina citra negara bangsa, akibat daripada kecurigaan, kebencian dan penolakan komuniti bahasa lain. Ini ditambahkan lagi oleh kehadiran bahasa ketiga iaitu bahasa Inggeris yang memberi peluang untuk digunakan sebagai bahasa perantara, bahasa pendidikan tinggi, bahasa perdagangan, bahasa diplomasi, dan bahasa media massa. Lebih-lebih lagi kedudukan bahasa Inggeris sebagai bahasa dunia yang utama yang menjadi pintu kepada pencapaian perkembangan ilmu, teknologi dan kreativiti dunia luas. Namun masalah perpaduan dan kecurigaan antara kaum dan komuniti bahasa yang berbeza-beza, yang membawa kepada munculnya masalah sosial yang lain, menimbulkan ketegangan sosial yang menjadi kendala kepada perkembangan ekonomi yang pesat, ekuitabel dan menyeluruh.
- 2) Indonesia walaupun sudah berjaya membina sebuah negara bangsa yang umumnya bersatu dan bercitra sendiri berasaskan satu bahasa kebangsaannya, namun oleh kerana ketiadaan satu bahasa dengan fungsi partisipitori yang membolehkannya mencapai, mengongsi, dan memanfaatkan perkembangan ilmu pengetahuan, teknologi dan perdagangan komuniti dunia antarabangsa, maka kepesatan perkembangan ekonomi dan kemasyarakatannya secara ekuitabel dan menyeluruh telah terbantut.

Kemungkinan besar masalah-masalah itu telah mengakibatkan munculnya pula gejala sosial buruk yang berkaitan dengan kuasa misalnya rasuah, penyalahgunaan kuasa, kronisme, kolusi, pecah amanah, penyalahgunaan wang dan aset dan sebagainya. Berdasarkan statistik Transparency

International (<http://cpi.transparency.org/cpi2011/results/>) negara-negara Malaysia, Indonesia dan Filipina agak terke bawah persepsi indeks rasuah (*cpi=corruption perception index*), iaitu:

Malaysia negara ke-60 (daripada 182)	<i>cpi</i>	3.8 – 4.8 (maksimum 10)
Indonesia negara ke-100		3.0
Filipina negara ke-129		2.6

Negara-negara 10 yang teratas *cpi* mereka ialah:

1. New Zealand	<i>cpi</i>	9.5 (maksimum 10)
2. Denmark		9.4
3. Finland		9.4
4. Sweden		9.3
5. Singapura		9.2
6. Norway		9.0
7. Netherlads		8.9
8. Australia		8.8
9. Switzerland		8.8
10. Canada		8.0

Dari segi kedudukan kemajuan negara, Pendapatan Kasar Negara Per Kapita (*Gross National Income per capita*) 2011 ([http://en.wikipedia.org/wiki/List\\_of\\_countries\\_by\\_GNI\\_%28PPP%29\\_per\\_capita](http://en.wikipedia.org/wiki/List_of_countries_by_GNI_%28PPP%29_per_capita)) yang menjadi penanda kasar taraf kemajuan negara, meletakkan Malaysia pada kedudukan ke-57 daripada 214 negara, dengan *GNI* bernilai USD 15,190, manakala Indonesia pada kedudukan ke-119 dengan *GNI* bernilai USD 4530, dan Filipina pada kedudukan ke-123 dengan *GNI* bernilai USD 4160, seperti yang tertera dalam senarai yang diringkaskan berikut:

Senarai negara-negara yang mempunyai *GNI* sembilan teratas dan Malaysia (ke-57), Indonesia (ke-119) dan Filipina (ke-123):

1. Qatar	USD 87,000
2. Luxembourg	USD 63,500
3. Singapura	USD 59,790
4. Norway	USD 58,090
5. Macau	USD 57,060
6. Kuwait	USD 53,820
7. Hong Kong	USD 51,490
8. Switzerland	USD 50,900
9. USA	USD 48,000
...	
57 Malaysia	USD 15,190
...	
119 Indonesia	USD 4,530
...	
123 Filipina	USD 4,160

Ini bermakna penggunaan bahasa Inggeris oleh Filipina sebagai bahasa partisipatori dunia global tidak juga menjadikannya negara yang maju bahkan lebih mundur daripada Indonesia. Filipina juga lebih rendah taraf *cpi* (2.6) di tangga 129 daripada Indonesia (3.0) di tangga 100 dan Malaysia *cpi* (3.8 - 4.8) di tangga 60, yang menunjukkan rasuah di Filipina lebih serius daripada Indonesia dan Malaysia.

## **DASAR BAHASA DI MALAYSIA DAN ISU PERPADUAN DAN PEMBANGUNAN SECARA EKUITABEL**

Dasar bahasa telah didefinisikan secara komprehensif oleh David Corson (1996: 151) seperti berikut:

*“A set of nationally agreed principles which enables decision makers to make choices about language issues in a rational, comprehensive and balanced way.”*

Corson's (1996: 141) telah menyenaraikan perkara-perkara yang cuba dilakukan berdasarkan dasar bahasa pada tahap negara, iaitu:

- 1) Mengenal pasti keperluan kebahasaan di kalangan semua komuniti dan pelbagai kumpulan budaya dalam negara,
- 2) Meneliti dan memeriksa semua kemudahan dan infrastruktur kebahasaan yang ada dalam negara,
- 3) Mengenal pasti peranan yang dimainkan oleh semua bahasa yang ada dalam negara,
- 4) Membentuk strategi untuk menangani dan membangunkan segala sumber kebahasaan demi mengaitkannya dengan kepentingan negara melalui operasi sebuah badan perancang bahasa.

Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu selepas kemerdekaan pada 1957, demi membangunkan negara yang maju, berdaulat yang bersatu padu dan bercitra sendiri, telah menubuhkan dasar bahasanya yang termaktub dalam Perlembagaan Fasal 152 yang mencakupi perkara-perkara berikut (Lihat juga Tun Mohamed Sufian Hashim, 1976: 324) <sup>6</sup>:

“Fasal 152 memperuntukkan bahawa bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu (yang secara keperluan mesti digunakan dalam semua upacara rasmi) dan dalam bentuk skrip yang ditentukan oleh Undang-Undang Persekutuan. Fasal ini juga melindungi bahasa-bahasa lain dengan peruntukan bahawa tiada seorang pun yang ditegah atau disekat daripada menggunakan (selain dalam penggunaan rasmi) dan belajar serta mengajar bahasa yang lain selain bahasa kebangsaan. Fasal ini juga tidak menyekat atau memperjudikan hak Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri bagi melestari dan mengekalkan penggunaan dan pengajaran bahasa sesuatu komuniti dalam persekutuan.”

Namun Fasal 152 Perlembagaan Persekutuan 1957 masih memberi kelonggaran untuk menggunakan bahasa Inggeris selama sepuluh tahun dalam upacara-upacara rasmi dan memperuntukkan teks undang-undang yang autoritatif tertulis dalam bahasa Inggeris. Namun selepas Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 diluluskan Parlimen secara rasminya bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi dan bahasa perantaraan pendidikan tunggal menggantikan bahasa Inggeris.

Secara kesimpulannya, kini dasar bahasa negara Malaysia terkandung dalam dua dokumen undang-undang dasar yang penting, iaitu Fasal 152 Perlembagaan Malaysia (1957) dan Akta Bahasa Kebangsaan tahun 1963/67, dan juga berdasarkan wawasan pendidikan kebangsaan seperti yang terkandung dalam Laporan Jawatankuasa Pelajaran Razak 1956 (iaitu menjadi asas Akta pelajaran Tanah Melayu 1957) dan Laporan Jawatankuasa Pelajaran Rahman Talib 1960 (iaitu menjadi asas Akta Pelajaran 1961). Dasar bahasa negara Malaysia kini boleh disimpulkan seperti berikut:

- 1) Bahasa Melayu diisytiharkan sebagai bahasa kebangsaan untuk seluruh rakyat Malaysia,
- 2) Bahasa Melayu menggantikan Bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi tunggal negara,
- 3) Bahasa Melayu menggantikan Bahasa Inggeris sebagai pengantar utama sistem pendidikan kebangsaan yang menggantikan sistem pendidikan acuan British,
- 4) Bahasa Inggeris diajarkan di semua sekolah sebagai bahasa kedua yang wajib, yang dahulu hanya diajar di sekolah Inggeris sahaja,
- 5) Bahasa vernakular iaitu bahasa Mandarin, bahasa Tamil dan bahasa-bahasa komuniti peribumi di Semenanjung Malaysia dan di Sabah dan Sarawak boleh diajarkan di sekolah mengikut keperluan adanya murid-murid komuniti yang berkenaan yang mencukupi.

Oleh yang demikian, taraf bahasa kaum atau komuniti yang lain di Malaysia kekal seperti keadaannya sebelum merdeka, iaitu tidak berubah dan tidak dihapuskan oleh dasar itu. Taraf bahasa Inggeris sebagai bahasa pentadbiran dan bahasa urusan rasmi kerajaan digantikan dengan bahasa Melayu selepas 1967 (10 tahun selepas kemerdekaan), walaupun ada peruntukan dalam Akta tahun 1967/68 yang membolehkan kerajaan membenarkan penggunaan bahasa Inggeris dalam beberapa

<sup>6</sup> “Article 152 provides that the national language shall be the Malay language (which by necessary implication must be used for official purposes) and in such script prescribed by federal law. The article also safeguards other languages by further providing that no person may be prohibited or prevented from using (except for official purposes), or from teaching or learning any other language. The article does not prejudice the right of the Federal Government or of any State Government to preserve and sustain the use and study of the language of any other community in Malaysia.”



bidang urusan rasmi kerajaan. Allahyarham Datuk Hassan Ahmad mantan Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) berpendapat bahawa peruntukan undang-undang yang ada sudah memadai bagi kerajaan dan pihak mendukung dasar itu untuk membangunkan dan mengekalkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara.

Namun terdapat salah tafsir tentang akta dan peruntukan undang-undang ini, iaitu yang menganggap penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi hanya terhad kepada sektor awam atau badan-badan kerajaan semata-mata, manakala sektor swasta tidak terikat dengan peruntukan undang-undang ini, oleh itu boleh terus menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi komunikasi, walhal peruntukan undang-undang itu tidak menghalang bahasa Melayu digunakan dalam sektor swasta juga. Akibat daripada salah faham ini maka wujud kini dua sektor bahasa di Malaysia, iaitu sektor awam yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa utamanya, dan sektor swasta yang menggunakan Bahasa Inggeris atau bahasa lain sebagai bahasa utamanya. Ini merupakan masalah pelaksanaan bukan masalah undang-undang. Pelaksanaan boleh dipengaruhi oleh faktor tolak ansur politik, faktor perkauman, faktor prasangka dan sentimen terhadap tujuan undang-undang, dan sentimen buruk terhadap keupayaan bahasa Melayu untuk memainkan peranannya sebagai bahasa rasmi, pengantar ilmu, dan bahasa kemajuan (Hasan Ahmad, 1997: 220).

Akibat daripada buruk sangka terhadap keupayaan bahasa Melayu, maka timbullah sentimen-sentimen buruk seperti berikut:

- 1) keraguan terhadap kebolehan dan keberkesanan bahasa Melayu untuk menjadi bahasa pemacu kemajuan bagi negara bangsa Malaysia menggantikan bahasa Inggeris; keraguan bahawasanya kecekapan sistem pentadbiran, pendidikan, perdagangan dan sebagainya akan merosot, dengan merosotnya penggunaan bahasa Inggeris.
- 2) Penggunaan bahasa Melayu menggantikan bahasa Inggeris sebagai pengantar pendidikan dan pentadbiran mempunyai agenda sulit memperkasakan kaum Melayu dan merugikan dan melemahkan kaum lain dan melenyapkan bahasa-bahasa vernakular yang lain.

Namun setelah pelaksanaan dasar kebangsaan dilakukan sepenuhnya menjelang tahun 1987 (iaitu semua peringkat pendidikan daripada sekolah rendah ke universiti dijalankan dalam bahasa Melayu), tidak berlaku perkara-perkara buruk yang disangkakan itu; kecekapan pentadbiran kerajaan tidak terjejas bahkan sistem pentadbiran awam Malaysia dianggap antara yang terbaik di dunia, sistem pendidikan tidak merosot dibuktikan oleh hakikat bahawa ramai lulusan universiti tempatan berjaya melanjutkan pengajian di universiti luar negara dengan kelulusan yang baik, ramai pelajar bukan Melayu yang mendapat kelulusan cemerlang dalam peperiksaan SPM, STPM, diploma, ijazah universiti dan lain-lain. Bahkan prestasi UKM yang menjalankan seluruh kursus pengajiannya dalam bahasa Melayu sejak ditubuhkan, merupakan bukti yang jelas tentang kejayaan dasar bahasa kebangsaan Malaysia. Begitu juga pelaksanaan dasar bahasa kebangsaan dalam sistem pendidikan tidak menghapuskan pengajaran dan penggunaan bahasa vernakular yang lain, seperti Cina, Tamil, Iban, Kadazan, dan bahasa-bahasa Orang Asli, bahkan bahasa Iban, Kadazan dan bahasa Orang Asli juga mulai diajar di sekolah-sekolah. Dato Hasan Ahmad menegaskan bahawa:

“Jadi secara umumnya cabaran dan masalah penerimaan dasar bahasa (kebangsaan) itu dari segi politik dan tujuan budayanya telah dapat diatasi setelah dasar itu dilaksanakan dalam tempoh 30 tahun sejak 1957.” (Hasan Ahmad, *Ibid*: 223).

Gerakan-gerakan “Bahasa Jiwa Bangsa” pada tahun-tahun 60-70an dan “Cintailah Bahasa Kebangsaan Kita” pada tahun-tahun 80-an, dan “Gunakan Bahasa Kebangsaan dengan Betul” pada tahun-tahun 1990-an, merupakan gerakan yang berjaya memupuk, memperkukuh dan memperkasa bahasa kebangsaan sehingga pada akhir tahun 1980-an berjuta-berjuta rakyat Malaysia daripada berbilang kaum telah melalui sistem pendidikan kebangsaan dengan pengantar bahasa Melayu yang menjadikan mereka menguasai bahasa Melayu tinggi dengan baik (yang sebelum ini kaum bukan Melayu hanya menguasai bahasa Melayu rendah, iaitu bahasa pasar atau bahasa pijin).

Namun kini Dasar Bahasa yang telah dilaksanakan dengan jayanya selama 30 tahun (sejak 1987 apabila dasar bahasa kebangsaan dilaksanakan sepenuhnya dalam sistem pendidikan di sekolah di institut pendidikan tinggi), telah dikejutkan dengan satu gagasan baru, iaitu membenarkan penggunaan bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan terutama sekali dalam kursus-kursus sains dan teknologi, supaya dengan itu rakyat Malaysia dapat dimajukan dalam bidang sains dan teknologi untuk mengangkat Malaysia ke taraf negara maju. Khazanah ilmu sains dan teknologi yang begitu banyak tertulis dalam bahasa Inggeris diandaikan dapat dimanfaatkan dengan sepenuhnya dalam proses pembelajaran dan pengajaran (P&P) dan mencekapkan dan mempercepat pemindahan sains dan

teknologi ke dalam negara bangsa dan masyarakat Malaysia demi memenuhi hasrat Wawasan 2020 dengan jayanya.

Telah muncul satu persepsi atau satu perasaan di kalangan pemimpin dan golongan elit masyarakat bahawa untuk cepat membangun dan maju seperti negara-negara di Amerika Utara, Eropah, Australia dan New Zealand. Maka strategi yang paling cepat ialah memanfaatkan khazanah ilmu, sains, teknologi dan perdagangan yang ada dalam negara maju itu secara langsung dan segera. Oleh kerana kebanyakan khazanah ilmu demikian tercatat, tersimpan dan tersebar dalam bahasa Inggeris, maka strategi yang paling rasional dan praktikal ialah mempelajari, menguasai, mengembang dan menyebarkan ilmu-ilmu itu dalam bahasa Inggeris juga. Andaian demikian boleh disamakan dengan kejayaan perniagaan francais makanan segera seperti MacDonald, Kentucky Fried Chicken, Pizza Hut dan lain-lain yang pesat dilaksanakan di seluruh dunia. Andaian demikian menganggap secara salah bahawa sumber tenaga manusia tidak lebih daripada bahan-bahan makanan segera yang boleh diolah, diuli, diadun dan dikeluarkan secara produksi massa (*mass-production*) tanpa mengambil kira maruah, martabat, keperibadian dan hati budi manusia dan masyarakatnya.

Persepsi dan perasaan demikian sebenarnya bukanlah berdasarkan hasil kajian yang konkrit tetapi kebanyakannya berdasarkan pengalaman sendiri pemimpin dan golongan elit itu dan juga realiti kemajuan dan pembangunan negara-negara itu di persada dunia sekian lama, seperti kata Holborow (1999: 56-57.):

*“The dominance of English today is the continuation of a process started in the earliest days of capitalism, deepened by the expansion of the British Empire and given further impetus by the commanding position of the American capitalism in this century”*

Sebagai akibat dan bahana secara langsung pendominasian Barat itu, maka telah timbul beberapa persepsi di kalangan masyarakat dunia terutama sekali golongan pemimpin dan elit di negara sedang membangun, iaitu:

- 1) Pendominasian Barat telah mencengkam hati budi para pemimpin dan para elit negara-negara itu sehingga membentuk persepsi bahawa untuk maju seperti Barat dengan kadar yang segera dan cekap, bahasa utama Barat iaitu bahasa Inggeris mesti digunakan sebagai pengantar pendidikan tinggi terutama sekali dalam bidang sains dan teknologi supaya memudahkan proses pemindahannya,
- 2) Ledakan ilmu pengetahuan, sains dan teknologi adalah begitu pesat di dunia kini yang tertulis dalam bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa utama dunia yang lain, sehingga kadar penterjemahannya ke dalam bahasa tempatan tidak mungkin diselaraskan dengan kadar ledakan itu; akibatnya pengajaran dan penyampaian dalam bahasa tempatan akan senantiasa ketinggalan dalam arus kemajuan ilmu, sains dan teknologi,
- 3) Kurangnya bilangan para ilmuwan, ahli sains dan teknologi tempatan yang bergiat ke barisan depan ilmu pengetahuan (*to the frontiers of knowledge*) yang membawa kepada penciptaan teknologi dan dapatan yang baru yang tertulis dalam bahasa tempatan,
- 4) Kurangnya jumlah bahan-bahan rujukan dan buku teks yang tertulis dalam bahasa tempatan sama ada hasil asli ataupun terjemahan, (kalau adapun hanya pada tahap rendah dan sudah ketinggalan zaman) yang menyebabkan kesukaran pengajarannya dan dengan itu akan membantut pendidikan sains dan teknologi untuk menyediakan barisan sumber manusia yang mahir dan berilmu pengetahuan tinggi,
- 5) Kurangnya jumlah pakar, pensyarah dan profesor yang bertaraf dunia yang mahir dalam bahasa Melayu untuk menyampaikan ilmu-ilmu terkini dalam bidang sains dan teknologi, sedangkan jumlah pakar dan ilmuwan yang boleh berbahasa Inggeris adalah ramai dan lebih mudah diperoleh,
- 6) Negara-negara membangun bekas jajahan British dan Amerika termasuklah Malaysia dan Singapura, sememangnya mempunyai tradisi penguasaan bahasa Inggeris yang baik kerana ramai warga negaranya terutama sekali para elitnya berpendidikan dalam bahasa Inggeris sama ada di dalam negara sendiri ataupun di luar negara dan/ataupun terdedah dengan pesatnya kepada penggunaan bahasa Inggeris; oleh itu penggunaan pengantar bahasa Inggeris dalam pendidikan tinggi tidak banyak menimbulkan kesulitan bahkan amat menyenangkan sekali,
- 7) Penggunaan bahasa Inggeris yang meluas dalam sektor swasta dan juga dalam bidang perindustrian dan perdagangan yang merupakan medan utama tempat menerapkan segala ilmu

dan kepakaran sains dan teknologi; oleh itu penggunaan bahasa Inggeris dalam pendidikan tinggi amat wajar dan sesuai sekali,

- 8) Penggunaan bahasa Inggeris sebagai pengantar pendidikan tinggi memudahkan proses penubuhan pusat dan program pengajian kembar dengan pusat pengajian tinggi asing dan membawa pakar-pakar asing ke negara kita, yang dengan itu akan menyelamatkan ratusan juta wang tempatan keluar untuk membiayai pengajian di luar negara, di samping menjadikan negara tempatan sebagai pusat pengajian antarabangsa dan menjadikan pendidikan sebagai komoditi dagangan antarabangsa untuk mengaut pertukaran wang asing.

(Hashim Musa, 2008: 15)

### **AKIBAT DARIPADA PENGGUNAAN BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA PENGANTAR PENDIDIKAN TUNGGAL, SAINS DAN TEKNOLOGI DI NEGARA MEMBANGUN**

Sebagai susulan daripada persepsi dan pandangan para pemimpin dan elit *Englophile* tentang bahasa Inggeris yang dinyatakan di atas, tidak hairanlah kini di negara Malaysia sendiri beratus-ratus Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dan separa swasta ditubuhkan dengan menggunakan pengantar bahasa Inggeris. Bahkan dalam IPT Awam sendiri pun peningkatan penggunaan bahasa Inggeris bertambah-tambah. Ini dipermudahkan lagi oleh perisytiharan undang-undang seperti yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) Seksyen 17 (1) yang memberi kuasa kepada Menteri Pelajaran Malaysia untuk mengecualikan penggunaan bahasa kebangsaan sebagai pengantar pendidikan, iaitu berbunyi:

“Bahasa Kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam sistem Pendidikan Kebangsaan kecuali sekolah jenis kebangsaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 28 atau mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh Menteri Pelajaran daripada subseksyen ini”. (*Undang-Undang Malaysia Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)*, 1996: 26)

Akibat daripada penggunaan bahasa Inggeris sebagai pengantar pendidikan di IPT swasta dan separa swasta, dan juga peningkatan penggunaannya di IPT awam dan juga dalam pentadbiran, perdagangan, boleh disimpulkan seperti berikut:

- 1) Nilai ekonomi bahasa Inggeris akan naik, statusnya akan meningkat dan seterusnya akan menyetepikan status bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang terunggul dan tidak lagi dihormati rakyat jelata kerana kejatuhan nilainya, seperti yang diluahkan oleh YB Datuk Sri Dr Rais Yatim “beberapa dasar yang diwujudkan secara mengejut meletakkan bahasa Melayu seolah-olah berada di tangga kambing tidak lagi di tahap perdana.” (*Utusan Malaysia* Rabu 7 November, 2007, hal. 27)
- 2) Proses pengintelektualan bahasa Melayu akan terbantut kerana tidak lagi digunakan sebagai pengantar ilmu tinggi dan tidak dapat berkembang selaras dengan perkembangan ilmu pengetahuan; ini memerosotkan lagi kedudukan dan status bahasa Melayu dan menjadikannya bahasa yang rendah untuk komunikasi harian yang rendah tarafnya, manakala interaksi dalam wacana ilmiah dan ilmu pengetahuan yang tinggi, bahasa Inggeris akan digunakan yang menjadikannya bahasa terunggul di Malaysia secara *de facto* mungkin tidak secara *de jure*,
- 3) Bahasa Melayu yang sehingga kini telah menjadi bahasa kebangsaan negara yang memainkan peranan sebagai bahasa penyatuan dan integrasi nasional, bahasa yang membentuk asas jati diri negara Malaysia, sedikit demi sedikit akan kehilangan peranan itu kerana nilai, status dan penghormatan rakyat jelata terhadapnya akan menjadi semakin luntur dan seterusnya akan menghilang,
- 4) Penguasaan bahasa Inggeris secara cekap hanya terhad kepada segelintir penduduk elit yang tinggal di bandar-bandar utama kerana konteks penggunaannya yang meluas; maka ilmu pengetahuan dan teknologi tinggi akan berkisar hanya di kalangan mereka, manakala majoriti rakyat jelata yang tidak dapat menguasai bahasa Inggeris sebaiknya, akan tertahan daripada memperoleh ilmu pengetahuan dan teknologi tinggi dalam bahasa Inggeris, dengan itu sains dan teknologi tinggi tidak dapat mengalami proses pembudayaan yang meluas yang amat perlu untuk mencetuskan pembangunan menyeluruh sesebuah negara yang ditimba daripada Sumber Daya Tenaga Manusia seluruh rakyatnya,

- 5) Penguasaan bahasa Inggeris dan pemerolehan ilmu pengetahuan dan teknologi tinggi oleh segelintir penduduk yang dengan itu akan menjadikan mereka golongan elit, akan mengasingkan mereka daripada majoriti rakyat jelata dan menimbulkan jurang dan ketegangan sosial yang dahsyat, seperti yang pernah dinyatakan oleh *Indian Education Commission*, 1948 iaitu:

“[the] use of English... divides the people into two nations, the few [English-speaking Indians] who govern and the many [non English-speaking Indians] who are governed.” (S. Huntington, 1996: 64)

Empat puluh tahun kemudian (pada tahun 1980-an) situasi ini telah mencetuskan ketegangan kelas yang dahsyat “*stimulating tensions between the minority at the top who know English, and the many millions – armed with the vote – who do not*” (dipetik oleh S. Huntington, 1996: 64),

- 6) Ketegangan sosial berdasarkan kelas dan golongan yang disebutkan di atas akan menjadi pemangkin pula kepada ketegangan dan konflik dalam bentuk yang lain, misalnya prasangka dan kebencian etnik dan perkauman, agama, mazhab dan ideologi, daerah dan wilayah seperti yang berlaku di Pakistan, India, dan di negara-negara Afrika dan Amerika Selatan yang telah disebutkan di atas,
- 7) Apabila bahasa Inggeris digunakan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan, sains dan teknologi maka ilmu pengetahuan akan terhad kepada segelintir golongan elit *Englophile* dan sumber daya tenaga manusia seluruh rakyat jelatanya tidak dapat dibangunkan dan kemajuan serta pembangunan negara secara ekuitabel dan menyeluruh tidak akan tercapai, seperti yang tertera dalam Rajah 1 dan Rajah 2 (Rujuk lampiran).
- 8) Penggunaan bahasa Inggeris ataupun bahasa-bahasa bekas kuasa penjajah yang lain sebagai bahasa pengantar pendidikan tinggi dan seterusnya bahasa rasmi dan bahasa utama di negara-negara membangun termasuklah Malaysia, akan selama-lamanya menjadikan negara-negara demikian mengalami sindrom “mentaliti budak jajahan” (*colonised mentality*), dengan misi dan visi mereka senantiasa dikaitkan secara mahu atau tidak mahu, dengan misi dan visi “tuan penjajahnya” (*colonial master*), seperti yang berlaku di negara-negara Asia, Afrika dan Amerika Selatan dan Amerika Tengah yang menggunakan bahasa-bahasa bekas penjajah mereka (Inggeris, Sepanyol, Perancis atau Portugis) sebagai bahasa pengantar pendidikan tinggi dan bahasa rasmi. Mereka itu walaupun sudah merdeka dari segi politiknya, tetapi dari segi ekonomi, pendidikan, sains, teknologi, nilai dan aspirasi senantiasa memandang kepada London, Washington, Paris, Lisbon dan Madrid sebagai sumber ilham dan panduan. Ringkasnya, negara bangsa yang menggunakan bahasa asing sebagai pengantar pendidikan dan ilmu tinggi terutama sekali bahasa bekas penjajahnya, tidak mampu menjadi negara bangsa yang besar.

## **POLITIK DAN PROPAGANDA KEUNGGULAN BAHASA INGGERIS DAN TAMADUN BARAT KE ATAS DUNIA GLOBAL**

Sebenarnya gagasan superioriti atau keunggulan unsur peradaban barat terutama sekali bahasa Inggeris disebar dan diperkukuh oleh propaganda yang terancang oleh birokrat politik dan media barat terutama sekali Amerika Syarikat dan England yang merupakan inti dan pendukung terkuat tamadun barat yang berbahasa Inggeris. Hasrat Amerika Syarikat untuk terus mendominasi dunia terkandung dalam madah-madah rasmi pemerintah mereka seperti yang termaktub dalam ‘Project for the New American Century’, the Cheney-Wolfowitz-Rumsfeld doctrine<sup>7</sup> (D. Armstrong in *Harper’s Magazine* 305, 2002, dipetik oleh dalam ‘*Linguistic imperialism: a conspiracy, or a conspiracy of silence?*’ Robert Phillipson, *Language Policy* (2007) 6:377–383):

<sup>7</sup> Walaupun Cheney-Wolfowitz-Rumsfeld kini sudah terkeluar daripada golongan pemerintah Amerika Syarikat (AS), namun ideologi mereka masih membara di kalangan birokratnya kerana kata William Wohlforth “*The U.S. is simply too powerful for the other nations to catch up, and that U.S has enormous supremacy in all aspects of military power and almost all aspects of economic power as well, not to mention its normative and cultural powers*”. Serangan ke atas Libya dan lain-lain negara yang dianggap berkuku besi yang mencabul hak demokrasi ala Amerika bagi rakyatnya, dan serangan dan pembunuhan Usamah bin Laden di Pakistan secara pre-emptive kerana mengancam keselamatan A.S., membuktikan ideologi ini. Namun kini tegas Wohlforth istilah “*American Imperialism*” mula digantikan dengan “*American benign hegemony*”, iaitu keunggulan kuasa AS yang memanfaatkan dunia. Lihat Wohlforth, William. “The Stability of the Unipolar World.” *International Security*, summer 1999, pp. 1-41.

*“The plan is for the United States to rule the world. The overt theme is Unilateralism, but it is ultimately a story of domination. It calls for the United States to maintain its overwhelming military superiority and prevent new rivals from rising up to challenge it on the world stage. It calls for dominion over friends and enemies alike. It says not that the United States must be more powerful, or most powerful, but that it must be absolutely powerful.”*

*“Language policy is essential to this mission, as formulated in an article ‘In praise of cultural imperialism’ in Foreign policy, by David Rothkopf, (Director of the Kissinger Institute, in 1997). It is in the economic and political interest of the United States to ensure that if the world is moving toward a common language, it be English; that if the world is moving toward common telecommunications, safety, and quality standards, they be American; and that if common values are being developed, they be values with which Americans are comfortable. These are not idle aspirations. English is linking the world.”*

Agenda British Council pula sebagai autoriti terulung dalam penyebaran dan pengagungan bahasa Inggeris di seluruh dunia dengan pejabatnya tersebar ke 116 negara, dibayangkan dengan jelas oleh laporan *The Chairman of the British Council’s Annual Report 1983-84*, iaitu:

*“Our language is our greatest asset, greater than North Sea Oil, and the supply is inexhaustible; furthermore, while we do not have a monopoly, our particular brand remains highly sought after. I am glad to say that those who guide the fortunes of this country share my conviction in the need to invest in, and exploit to the full, this invisible, God-given asset.”* (quoted in Phillipson, 1992, p. 144-145).

James T. Collins (1999: 93) seorang Amerika bekas Profesor ilmu bahasa Melayu di UKM dengan memetik Robert Phillipson (1992: 281) telah memaparkan usaha kuasa Barat mengagungkan bahasa Inggeris dan meremehkan bahasa lain seperti berikut:

#### **Bahasa Inggeris**

Bahasa dunia  
Bahasa antarabangsa  
Bahasa komunikasi luas  
Bahasa musaadah (tunjang yang kuat)  
Bahasa tambahan  
Bahasa penghubung  
Bahasa dunia (terbuka)  
Bahasa neutral

#### **Bahasa lain**

Bahasa setempat (lokal)  
Bahasa kebangsaan (sebuah negara sahaja/lokal)  
Bahasa komunikasi sempit  
Bahasa tidak menunjang (tidak kuat)  
Bahasa tak lengkap  
Bahasa pembatas  
Bahasa tertutup  
Bahasa berat sebelah

Daripada perbandingan secara binari di atas jelas ternampak bahawa segala ciri yang ada pada bahasa Inggeris semuanya positif belaka manakala yang ada pada bahasa lain termasuklah bahasa Melayu semuanya seolah-olah negatif belaka. Inilah bentuk neo-imperialisme bahasa Inggeris yang amat jelas untuk mengagungkan bahasa Inggeris dan meremehkan bahasa tempatan. Sedangkan pada hakikat sebenarnya bahasa kebangsaan sesuatu negara bangsa merupakan asas jati diri, maruah, pemupuk perasaan kekitaan atau *esprit de corp* yang kukuh, semangat perpaduan dan solidariti negara bangsa, dan faktor pembangunan sumber daya tenaga rakyat jelata secara ekuitabel dan meluas yang menjadi asas pembangunan dan kemajuan sesebuah negara, seperti yang dibuktikan oleh semua negara bangsa maju dunia; bahasa Jepun, Korea dan China di negara-negara Timur dan bahasa Jerman, Perancis, Belanda, Sepanyol, Portugis, Itali, Rusia dan lain-lain di Eropah.

Oleh yang demikian, Collins menggesa kita semua supaya terus menerus berjuang menegakkan keunggulan status bahasa Melayu dan menolak pengaruh dan ancaman daripada bahasa Inggeris:

*“Kita harus berjuang menentang konsep bahasa Inggeris sebagai tangkal yang akan melindungi, bahkan memulihkan, kemajuan yang telah dicapai oleh masyarakat penutur Melayu. Kita harus berani menolak tahyul yang terlalu percaya kepada citra berbahasa Inggeris yang diciptakan oleh birokrat kolonial dahulu kala. Kita harus*

yakin pada diri sendiri dan menempuh jalan kita, terlepas daripada segala mantera dan azimat.” (Collins, 1999: 94)

## **PENYAMPAIAN DAN PEMBUDAYAAN ILMU DAN TEKNOLOGI DALAM BAHASA KEBANGSAAN DEMI PEMBANGUNAN SUMBER DAYA TENAGA MANUSIA YANG EKUITABEL DAN MENYELURUH**

Apa yang menjadi kecelaruan di dalam fikiran para elit Englophile (pencinta bahasa Inggeris) seperti yang tercatat dalam hujah di atas itu ialah hakikat bahawa penimbaan dan penerokaan ilmu pengetahuan boleh dilakukan dalam bahasa apa sekalipun, namun penyampaian dan pembudayaan ilmu pengetahuan kepada rakyat jelata negara bangsa itu yang merupakan sumber daya tenaga manusianya (*Human Resource Potential*) seharusnya dalam bahasa yang paling mudah difahami oleh semua lapisan rakyatnya iaitu bahasa tempatan mereka sendiri, seperti yang dilakukan di negara Jepun, Korea, Republik Rakyat China dan Taiwan, dan juga di negara-negara Benua Eropah sejak zaman revolusi perindustrian. Melalui pembudayaan sains dan teknologi kepada rakyat jelata dalam bahasa tempatan sendiri, maka seluruh daya tenaga manusia rakyat jelatanya dapat digerakkan, didorong dan dimanfaatkan sepenuhnya secara ekuitabel dan merata, bukan terhad kepada golongan elit sahaja. Petani-petani moden dan usahawan industri kecil dan sederhana (*small and medium size industries*) yang bertebaran di seluruh negara dapat dibangunkan dan dipupuk dengan budaya sains dan teknologi dalam bahasa sendiri demi menjadi pengusaha global yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa, seperti yang berlaku di Jepun, Korea dan Taiwan (Asia Timur), di Britain, Perancis, Belgium, Belanda, Jerman dan lain-lain (Eropah), di Amerika Syarikat dan Kanada (Amerika Utara), dan di Australia dan New Zealand (Australasia). Sebagai satu bukti lagi yang menunjukkan bahawa bahasa Inggeris bukan monopoli ilmu pengetahuan ialah pemenang Hadiah Nobel yang paling berprestij di dunia dalam pelbagai bidang sains sejak 1997-2007 dimenangi oleh ilmuwan daripada pelbagai bangsa dan bahasa selain Bahasa Inggeris antaranya daripada Jerman, Sweden, Denmark, Belanda, Perancis, Rusia, Itali, Switzerland, Jepun, China, dan Arab yang mencipta ilmu pengetahuan itu dalam bahasa tempatan mereka sendiri.

Memang tidak dinafikan pengaruh sesebuah tamadun tinggi dan besar ke atas negara-negara yang rendah tahap kemajuannya, amat kuat dan mendalam, apatah lagi jika tamadun yang besar itu pernah menakluki negara kecil itu. Keadaan begini berlaku berulang-ulang kali dalam sejarah manusia. Apabila Islam sampai ke Eropah, iaitu ke Semenanjung Iberia (Sepanyol dan Portugal) pada tahun 711 Masihi, Islam membawa bersama-samanya sebuah tamadun yang berasaskan ilmu pengetahuan yang rasional, sains dan teknologi yang jauh lebih tinggi daripada apa yang ada di Eropah. Pada ketika itu Eropah berada dalam Zaman Kegelapan (*The Dark Ages*) iaitu diselimuti oleh ilmu pengetahuan yang berasaskan tahyul, mitos dan magis. Pemerintah feudal yang berkuku besi menekan rakyat jelata yang diabsahkan oleh golongan gereja yang rasuah dan berkepentingan. Penyakit dan wabak berleluasa kerana ketiadaan ilmu perubatan dan kesihatan yang saintifik. Dalam keadaan kegelapan Eropah demikian, tamadun Islam melahirkan barisan ahli fikir, ahli sains, ahli perubatan dan farmasi, ahli falsafah dan matematik, ahli seni bina dan ukir, ahli geografi dan sejarah, ahli bahasa dan sastera, ahli astronomi dan meteorologi yang terkemuka di dunia. Tidak syak lagi pada zaman kegemilangan umat Islam dari segi ilmu dan teknologi, iaitu di sebelah Timur pada abad ke-9 dan ke-10 M (semasa Dinasti Abbasiyah 749-1258 M) dan di Barat pada abad ke-11 abad ke-12 M (zaman pemerintahan Islam di Semenanjung Iberia atau Andalusia 711-1492 M), tamadun umat Islam telah mendominasi dunia seperti halnya sekarang tamadun Barat mendominasi dunia.

Namun apabila unsur-unsur tamadun Islam dipelajari oleh bangsa Eropah melalui perantaraan bahasa Arab yang terpaksa dipelajari mereka, kemudian dipinjam, diterjemahkan dan diasimilasikan oleh orang-orang Eropah dalam abad ke-11 hingga ke-13 M, mula-mula dalam bahasa Latin kemudian ke dalam bahasa Sepanyol, Perancis, Itali, Inggeris dan bahasa-bahasa Eropah yang lain, maka ilmu pengetahuan merebak ke Eropah. Kebangkitan bangsa Eropah berselari dengan kebangkitan negara-negara bangsanya yang berasaskan bahasa indigenus/tempatan mereka sendiri, iaitu bahasa Sepanyol, Itali, Perancis, Inggeris, Belanda, Jerman, Rusia dan lain-lain. Ilmu pengetahuan, sains dan teknologi yang diterjemahkan, disampaikan dan dijana dalam bahasa indigenus sendiri dapat dimengerti sepenuhnya oleh rakyat jelata untuk membangunkan sumber daya tenaga manusianya yang seterusnya mencetuskan kebangkitan Eropah dalam zaman Renaissance dan membawa kepada proses industrialisasi dan pemodenan Eropah yang pesat sehingga dapat mendominasi dunia selama 500 tahun sampai ke masa kini.

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, berdasarkan empat tahap proses pembangunan menuju ke arah negara maju seperti yang diuraikan di atas dan digambarkan dalam Lampiran 1 Rajah 1 di bawah, maka jelaslah negara-negara yang telah sampai ke tahap empat dan sedang mengorak langkah ke arah negara maju di Timur yang digelar sebagai “*Asian Tigers*” ialah Jepun, Korea dan Taiwan di mana ilmu pengetahuan dan teknologi dicerna dan dijana oleh negara membangun itu dalam bahasanya sendiri sebagai kreativiti dan kebijaksanaan ilmu wataninya (*native knowledge and creativity*).

Di negara Malaysia kini kita masih belum mencapai tahap keempat, iaitu pencernaan dan penjaanaan ilmu pengetahuan dan teknologi dalam bahasa Melayu sendiri yang akan membawa kita mengorak langkah ke status negara maju. Kita sedikit demi sedikit sedang melangkah masuk ke tahap ketiga, iaitu penyampaian dan pembudayaan ilmu pengetahuan dan teknologi dalam bahasa tempatan. Namun dengan pelaksanaan pengajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris pada tahun 2003, kita telah melangkah ke belakang ke tahap pertama dan kedua balik yang akan membantut perjalanan kita ke arah tahap keempat, iaitu ke tahap pencernaan dan penjaanaan ilmu pengetahuan dan teknologi watan kita sendiri demi membawa ke status negara maju.

Program MBMMBI (memartabatkan bahasa Melayu dan memperkukuh bahasa Inggeris) sebenarnya boleh membawa kita ke tahap ketiga iaitu pengajaran, pembelajaran dan pembudayaan ilmu pengetahuan dan teknologi dalam bahasa kita sendiri, tetapi dengan syarat penguasaan dan pengukuhan bahasa Inggeris hanya berfungsi untuk menimba ilmu pengetahuan dan teknologi dalam bahasa Inggeris bukan untuk menyampaikannya kepada anak bangsa kita. Kalau bahasa Inggeris digunakan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan dan teknologi maka pastilah penguasaan ilmu pengetahuan tidak akan menyeluruh kepada semua rakyat jelata yang majoritinya tidak akan dapat menguasai bahasa Inggeris dengan baik dan dengan itu akan terhalang daripada menguasai ilmu pengetahuan dan teknologi. Ini tidak akan membawa negara Malaysia ke arah kemajuan dan pembangunan yang ekuitabel dan merata, dan sebagai implikasi Malaysia tidak akan meningkat ke arah status negara maju.

Penyelesaiannya ialah timbalah dan capailah ilmu pengetahuan dan teknologi daripada luar dalam bahasa apa sekalipun, iaitu kuasailah bahasa-bahasa utama dunia terutamanya bahasa Inggeris oleh golongan ilmuwan dan penyelidik, sesudah itu sebar dan budayakanlah ilmu itu kepada rakyat Malaysia dalam bahasa kebangsaan Malaysia, iaitu bahasa Melayu, supaya dengan itu seluruh sumber daya tenaga rakyat jelata dapat dibangunkan bagi mencapai kemajuan dan pembangunan yang ekuitabel dan juga bagi penjaanaan ilmu pengetahuan dan teknologi dalam acuan sendiri sebagai kreativiti dan kebijaksanaan ilmu watan kita sendiri. *Wal-lahu `a`lamu bis-sowab wal-hamdulillah.*

## RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (2007). “Bahasa dan Pembinaan Tamadun Bangsa”. Kertas kerja dalam *Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Keenam*. 5 September 2007, Tanjung Malim Perak.
- Carroll, Tessa. (2007). *From Script to Speech: Language Policy in Japan in the 1980's and 1990's*. Nissan Occasional Paper Series, No. 27: 44.
- Collins, James. (1999). *Wibawa Bahasa: Kepiawaian dan Kepelbagaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Corson, David. (1996). *Language Policy across the Curriculum*. Multilingual Matters Ltd. Clevedon: Philadelphia.
- Crystal, David. (2003). *English as a Global Language*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Demont-Heinrich, Christof. (2007). “The Ideological Construction of the Juggernaut of English: A critical analysis of American prestige press coverage of the globalisation of language”. *Studies in Language and Capitalism*. 2, 2007: 119-144.
- Drucker, Peter. (1994). *Post-Capitalist Society*. New York: Harper Business.
- Garvin, Paul L. (1974). Some Comments on Language Planning. In Joshua A. Fishman (ed.). *Advances in Language Planning*. The Hague: Mouton.
- Hassan Ahmad. (1997). *The Language Policy of Malaysia*. Kuala Lumpur: Art Printing Works.
- Hashim Hj Musa & Mohd Rashid Bin Mohd Saad. (2005). “Suara hati guru dalam pelaksanaan polisi bahasa Inggeris dalam subjek matematik dan sains: satu tinjauan ringkas”. Kertas kerja dalam *SKALI 2005*. UKM: Bangi.
- Hashim Hj Musa. (2008). “Senario Bahasa Melayu Kini.” Kertas kerja utama dalam *Seminar Pengajian Tinggi Bahasa Melayu*, anjuran Jabatan Bahasa Melayu Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM pada 30 Mac 2008.
- Holborow, M. (1999). *The Politics of English: A Marxist View of Language*. London: Sage Publication

- Huntington, S. (1996). *The Clash of Civilizations and the Remaking of World Order*. New York: Simon & Schuster.
- [http://en.wikipedia.org/wiki/List\\_of\\_countries\\_by\\_GNI\\_%28PPP%29\\_per\\_capita](http://en.wikipedia.org/wiki/List_of_countries_by_GNI_%28PPP%29_per_capita) (diakses pada 23.9.2012)
- <http://cpi.transparency.org/cpi2011/results> (diakses pada 23.9.2012)
- [http://www.nationsonline.org/oneworld/human\\_development.htm](http://www.nationsonline.org/oneworld/human_development.htm), (diakses pada 20.5.2013)
- <http://www.jstor.org/stable/2383176?seq=12>.
- Jacobs, Garry and Asokan N. (1999). "Towards a Comprehensive Theory of Social Development". In: *Human Choice*. World Academy of Art & Science, USA, 1999: 152.
- Mayors Innovation Project. (2008). *Mayors Innovation Project*, Madison, WI, August 1, 2008: page 3.
- Mohamed Sufian bin Hashim, Tun (1976). *An Introduction to the Constitution of Malaysia*. Kuala Lumpur: Government Printer.
- Paauw, S. (2009). One land, one nation, one language: An analysis of Indonesia's national language policy. In H. Lehnert-LeHouillier and A.B. Fine (Eds.), *University of Rochester Working Papers in the Language Sciences*. 5(1): 2-16.
- Robert Phillipson. (2007). "Linguistic imperialism: a conspiracy, or a conspiracy of silence?", *Language Policy* (2007) 6: 377-383.
- Undang-Undang Malaysia Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)*, 1996: 26. Kuala Lumpur: Government Printer.


#### NOTA BIOGRAFI

Hashim bin Musa (Ph.D) [hasyim@fbmk.upm.edu.my](mailto:hasyim@fbmk.upm.edu.my) ialah Profesor Linguistik Melayu di Jabatan Bahasa Melayu Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), mengkhusus dalam bidang teori tatabahasa, falsafah bahasa, sosiolinguistik, epigrafi Melayu dan manuskrip Jawi.


Rozita binti Che Rodi (M.A) [ita\\_cherodi@putra.upm.edu.my](mailto:ita_cherodi@putra.upm.edu.my) ialah Pembantu Pengajar (*Teaching Assistant*) dan calon Ph.D di Jabatan Bahasa Melayu Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM, mengkhusus dalam bidang semantik.




**LAMPIRAN**



RAJAH 1: Empat tahap pembangunan sebuah negara membangun kepada negara maju



RAJAH 2: Struktur demografi negara maju berbentuk berlian dengan majoritinya kelas menengah yang terdidik sebagai penggerak pembangunan



RAJAH 3: Struktur demografi negara mundur/membangun berbentuk piramid majoritinya kelas bawahan yang rendah pendidikan dan beban kepada pembangunan